


Nota Bahasa Melayu Standard : Burung Terbang Dipipiskan Lada



UCAPAN PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan kasih sayang-Nya **Program Tak Lapok Dek Hujan Tak Lekang Dek Panas** telah berjaya dilaksanakan dengan baik hasil kerja buat daripada semua Ketua Panitia yang terlibat. **Nota Bahasa Melayu Standard : Burung Terbang Dipipiskan Lada Tingkatan 5 telah** berjaya direalisasikan seperti yang diamanahkan oleh Panitia Daerah Seremban 2. Terlebih dahulu, jutaan terima kasih dan tahniah saya rakamkan kepada barisan panel pelaksana atas kerja buat dan kerjasama yang erat dalam proses menghasilkan nota yang sangat bermanfaat ini demi kepentingan semua murid di daerah Seremban.

Saya amat yakin nota ini sesuai digunakan oleh guru-guru dan murid-murid sebagai rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran prosa klasik **Burung Terbang Dipipiskan Lada**. Semoga nota ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kemahiran menjawab **Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard (Kertas 2)**. Kerja buat dan komitmen daripada semua Ketua Panitia bagi menjayakan tugas ini wajar dihargai oleh semua pihak. Nota ini pasti dapat memantapkan pemahaman murid terhadap jalan cerita prosa klasik **Burung Terbang Dipipiskan Lada**.

Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan tugas ini. Diharapkan buah tangan ini dapat membantu guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi melonjakkan prestasi subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di daerah Seremban khususnya dan di Negeri Sembilan umumnya.

Sekian, terima kasih.

***Cikgu Shariffah Rafeah binti Syed Jamaludin,
Ketua Editor,
SMK Seri Ampangan.***

Senarai Panel Pelaksana:

BIL	NAMA SEKOLAH	NAMA KETUA PANITIA
1.	SMK SERI AMPANGAN	CIKGU SHARIFFAH RAFEAH SYED JAMALUDIN
2.	SMK CHAN WA	CIKGU NUR NADHIRAH BINTI MOHAMED DIN
3.	SMK CHAN WA 11	CIKGU HASNAN BIN DAHLAN
4.	SMK BANDAR BARU SENDAYAN	CIKGU SARINA BINTI IDRUS
5.	SMK BANDAR ENSTEK	CIKGU LOGESWARY GOVINDASAMY
6.	SMK SHAMSUDIN NAIN	CIKGU JARAYAH BINTI JAIS
7.	SM SAINS PEREMPUAN	CIKGU NUR FARAH ATHIRAH BINTI KHUZAINI
8.	SMK KING GEORGE V	CIKGU MASITA BINTI MASTOR
9.	SMK ST. PAUL	CIKGU MOHD HAFIZI BIN BAHARUDDIN
10.	SMK METHODIST ACS (M)	CIKGU LAN POH CHIN
11.	SMK PUTERI	CIKGU JU NAZRAH BINTI ABDUL BAKI

SMK CHAN WA

KETUA PANITIA : CIKGU NUR NADHIRAH BINTI MOHAMED DIN

HALAMAN 27

Kata sahibul hikayat, maka tersebutlah perkataan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam itu Syahrunduwi namanya disebut orang, dan raja-raja di bawah angin ini semuanya takluk kepadanya, dan nama rajanya Bubunnya. Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Menurut pemilik cerita, tersebutlah kisah berkenaan Raja Benua Siam. Dari zaman dahulu kala negeri Siam dikenali orang sebagai Syahrunduwi, dan raja-raja di bawah angin semuanya berada di bawah takluknya, dan nama rajanya Bubunnya. Telah kedengaran hingga ke benua Siam bahawa Melaka merupakan sebuah negeri besar/berkuasa yang tidak dapat ditakluki olehnya (Siam), lalu Paduka Bubunnya menyuruh utusannya ke Melaka untuk meminta surat sembah. Tetapi Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah kepada benua Siam. Lalu Raja Benua Siam sangat marah, lalu menyuruh bersiap sedia untuk menyerang Melaka; panglimanya yang bernama Awi Cakri, membawa rakyat yang sangat banyak, yang tidak terkira banyaknya. Lalu dipersembahkan orang kepada ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalangnya, Awi Cakri namanya, membawa rakyat yang sangat banyak, berjalan mengikut jalan darat terus ke hulu Pahang.

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka.

Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Setelah Sultan Muzaffar mendengar khabar itu, lalu baginda menyuruh orangnya menghimpunkan semua rakyat teluk rantau untuk berhimpun di Melaka. Sementara itu Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka bersama-sama anak dan isterinya sekali. Kemudian orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, “Ya tuanku, semua teluk rantau yang lain menghadap dengan lelaki sahaja; namun patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali.”

Adapun Seri Amerta itu asalnya orang Pasai, tanah Samudera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar baginda Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda satu bangku tebal, di bawah lutut baginda, di sanalah ia memikul pedang, ialah yang menyampaikan titah raja barang sesuatu.

Sebenarnya Seri Amerta itu berasal daripada orang Pasai, daripada tanah Samudera; oleh sebab dia cerdik, dan tahu/petah berkata-kata, maka dijadikan oleh baginda bentara, digelar oleh baginda Seri Amerta. Lalu diperbuat oleh baginda satu bangku tebal, diletakkannya di bawah lutut baginda, di situlah dia memikul pedang, dialah yang menyampaikan titah raja tentang sesuatu.

SMK CHAN WA II

KETUA PANITIA : CIKGU HASNAN BIN DAHLAN

HALAMAN 29-30 (SAMBUNGAN)

Syahadan, pada suatu hari, maka Tun Perak datang menghadap, duduk di tanah sama-sama orang banyak. Maka kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Adapun orang teluk rantau yang lain semuanya menghadap laki-laki juga; adapun orang Kelang ini menghadap dibawa Tun Perak dengan membawa perempuan sekali. Mengapakah maka demikian fiil tuan?"

Pada suatu hari, Tun Perak datang untuk menghadap, dia duduk di tanah bersama-sama orang ramai. Lalu bentara yang bergelar Seri Amerta memaklumkan kepada Tun Perak bahawa, "Tun Perak, semua orang Kelang ini menghadap baginda untuk mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan. Sebenarnya, orang teluk rantau yang datang menghadap Duli Yang Dipertuan ialah laki-laki sahaja ; mengapakah orang Kelang ini menghadap Duli Yang Dipertuan membawa perempuan sekali. Mengapakah tuan bersikap sedemikian ?"

Maka tiada disahut oleh Tun Perak kata itu. Sekali lagi Seri Amerta berkata, itu pun tiada disahuti oleh Tun Perak. Genap tiga kali Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, "Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu? Adapun akan sekarang Duli Yang Dipertuan di dalam negeri ini dengan perempuan anak isteri dan segala perkakas. Maka benarkah pada fikir tuan hamba kami sekalian datang dengan laki-laki juga, dengan begini jauh Selat Kelang? Jikalau satu hal negeri ini, apa hisab pada kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini hamba suruh bawa dengan anak isterinya sekali. Nescaya

berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; kurang-kurang ia berlawanan Duli Yang Dipertuan lebih ia berlawanan anak isterinya bersungguh-sungguh.”

Lalu Tun Perak tidak menjawab pertanyaan itu. Seri Amerta bertanya sekali lagi kepada Tun Perak tetapi tidak dijawab oleh Tun Perak. Setelah cukup tiga kali Seri Amerta bertanya , lalu dijawab oleh Tun Perak, katanya, “Wahai Seri Amerta, pedang tuan hamba sebilah hendaklah dijaga dengan baik-baik, jangan dibiarkan berkarat, jangan dibiarkan tumpul. Namun tanggungjawab kami orang bekerja, bagaimanakah tuan hamba tahu?

Sebenarnya sekarang Duli Yang Dipertuan di negeri ini bersama-sama kaum perempuan iaitu anak dan isteri dan semua peralatan. Lalu wajarkah pada pemikiran tuan hamba kami sekalian datang bersama-sama lelaki sahaja, dengan begini jauh dari Selat Kelang? Sekiranya berlaku sesuatu hal di negeri ini, siapakah yang peduli kepada kami sekalian? Sebab itulah semua orang Kelang ini hamba menyuruh membawa anak dan isteri mereka sekali. Sudah tentu mereka dapat berperang dengan musuh bersungguh-sungguh hatinya; mereka akan berjuang untuk Duli Yang Dipertuan dan juga berlawan untuk anak isterinya dengan bersungguh-sungguh.”

Maka oleh Seri Amerta kata Tun Perak itu semuanya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan. Maka baginda pun tersenyum, seraya bertitah, “Benar seperti kata Tun Perak itu.”

Lalu Seri Amerta menyampaikan kata-kata Tun Perak itu kepada bawah Duli Yang Dipertuan. Lalu bagindapun tersenyum, lalu bertitah, “Sungguh benar kata-kata Tun Perak itu.”

Maka diambil baginda sirih daripada puan baginda, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda kepada Tun Perak, “Bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi; baiklah Tun Perak diam di negeri.”

Lalu baginda mengambil sirih daripada bekas/tepak/puan sirih baginda, disuruhnya memberikan sirih itu kepada Tun Perak. Lalu baginda bertitah kepada Tun Perak, “ Tun Perak tidak sepatutnya tinggal di Kelang lagi; Tun Perak sepatutnya tinggal di negeri ini.”

Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam yang mati. Melaka tiada alah. Maka rakyat Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar. Maka rotan itu pun tumbuh; itulah dinamai orang Rotan Siam, manakala pasungan kayu ara itu pun tumbuh juga, datang sekarang di hulu Muar jua, dan tumang Siam tempat bertanak itu pun tumbuh juga, datang sekarang. Telah rakyat Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing-masing ke tempatnya. Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang; diam di Melaka, dijadikan baginda bentara.

Selepas itu, orang Siam datanglah ke Melaka, lalu berperang dengan orang Melaka. Setelah lama berperang, ramai rakyat Siam yang mati. Melaka tidak kalah. Lalu rakyat Siam kembali ke Siam sambil membuang semua rotan mengikat barang-barangnya di hulu Muar. Lalu rotan itu tumbuh; dan itulah dinamakan sebagai Rotan Siam, manakala pasungan kayu ara itu tumbuh juga, masih ada hingga sekarang di hulu Muar juga, dan tumang Siam tempat bertanak itu tumbuh juga, ada hingga sekarang. Setelah rakyat Siam sudah pulang ke Siam, lalu semua orang teluk rantau kembalilah ke tempat masing-masing. Tun Perak tidak dibenarkan oleh baginda kembali ke Kelang; diminta menetap di Melaka, dijadikan oleh baginda sebagi bentara.

SMK BANDAR BARU SRI SENDAYAN
KETUA PANITIA : CIKGU SARINA BINTI IDRUS
HALAMAN 30-31 (SAMBUNGAN)

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?"

Kemudian ada seorang orang Kelang mengatakan bahawa dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Lalu dia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Lalu baginda telah menitahkan bentara Seri Amerta, supaya memberitahu perkara tersebut kepada Tun Perak. Lalu Tun Perak datang menghadap. Kemudian Seri Amerta menyatakan kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Perak, mengadukan halnya kepada ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan bahawa dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah tuan hamba berperangai sedemikian?"

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya,"Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mencerca hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hamba hendak dicerca?"

Tun Perak berdiam dan tidak menjawab pertanyaan/ kata-kata Seri Amerta. Setelah tiga kali Seri Amerta bertanya/ berkata, barulah Tun Perak menjawab, katanya “Tuan Seri Amerta, tuan hamba telah dilantik menjadi Yang Dipertuan Bentara, dianugerahkan sebilah pedang dan tuan jagalah dengan baik, diusahakan supaya tidak tumpul dan berkarat. Kami pula bekerja menjaga negeri adakah tuan tahu? Jika sebesar tempurung sekalipun, negeri itu; tetap baik bagi kami, dan kami menjaganya, kerana Yang Dipertuan tahu perkara ini baik buat kami, tiada yang buruk. Tetapi jika Duli Yang Dipertuan hendak mencela hamba disebabkan orang itu, lucutkan jawatan hamba dahulu, lalu celalah hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat, bagaimana hendak dicela?”

Syahadan, maka berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri.”

Selepas itu, Sultan Muzaffar Syah berkenan mendengar kata-kata Tun Perak itu. Dalam hati baginda, “Sesungguhnya Tun Perak tidak seharusnya menjadi bentara lagi, tetapi seharusnya menjadi Perdana Menteri.”

Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai, maka Seri Nara Diraja berkisar ke tengah. Hatta, maka Seri Nara Diraja pun pindahlah ke sebelah kanan, jadi Paduka Raja duduk pada tempat bendahara. Adapun Seri Nara Diraja pun telah tualah tiada beranak laki-laki, dan beranak dengan isterinya, anak bendahara Seri Amar Diraja itu seorang perempuan, Tun Putih namanya, diperisteri oleh Raja Abdullah; dan beranak dengan gundik seorang laki-laki, Tun Nina Madi namanya, tiada diaku oleh Seri Nara Diraja sebab takut akan isterinya. Maka Tun Nina Madi pun besarlah, beranak bercucu. Maka isteri Seri Nara Diraja pun matilah.

Kemudian digelar oleh baginda Paduka Raja, disuruh ke seri balai setaraf dengan Seri Nara Diraja. Lalu Paduka Raja naik duduk berdekatan dengan Seri Nara Diraja di seri balai, lalu Seri Nara Diraja beralih ke tengah. Setelah itu, Seri Nara Diraja berpindah ke sebelah kanan, lalu Paduka Raja duduk di tempat bendahara. Sesungguhnya Seri Nara Diraja sudah tua tidak mempunyai anak laki-laki, dan dia ada anak dengan isterinya, iaitu anak bendahara Seri Amar Diraja itu seorang anak perempuan, Tun Putih namanya, diperisteri oleh Raja Abdullah; dan mempunyai anak lelaki dengan gundiknya, Tun Nina Madi namanya, tetapi tiada diakui oleh Seri Nara Diraja sebab dia takut akan isterinya. Tun Nina Madi telah besar, beranak dan bercucu. Lalu isteri Seri Nara Diraja meninggal dunia.

SMK BANDAR ENSTEK
KETUA PANITIA : CIKGU LOGESWARY GOVINDASAMY
HALAMAN 31

Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja .Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?"

Selepas itu, dalam satu peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap oleh orang ramai. Kemudian Tun Nina Madi pun lalu, disuruhnya naik duduk berdekatan dengannya, lalu dipangku oleh Seri Nara Diraja. Kemudian Seri Nara Diraja berkata kepada semua orang yang duduk itu, "Tahukah tuan hamba sekalian bahawa dia ini anak hamba?"

Maka sembah segala orang banyak itu, "Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku."

Lalu sembah semua orang yang banyak itu, "Kami semua tahu juga; tetapi tuanku tidak mengaku, kami takut untuk mengatakan dia anak tuanku."

Maka Seri Nara Diraja tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-dua sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasanya beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar."

Lalu Seri Nara Diraja pun tersenyum. Selepas itu, Tun Nina Madi diberi gelaran sebagai Tun Bijaya Maha Menteri oleh Sultan Muzaffar Syah. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dilantik menjadi orang besar/pembesar, orang Melayu berpecah kepada dua kumpulan, sebahagian berpihak kepada Paduka Raja manakala sebahagian lagi kepada Seri Nara Diraja kerana kedua-duanya sama orang berasal. Namun, Seri Nara Diraja dan Paduka Raja tidak bermuafakat dan sering berselisih faham; beberapa kali yang lain diketahui Paduka Raja di dalam kampung Seri Nara Diraja. Sememangnya Sultan Muzaffar Syah mengetahui perkara itu lalu baginda terlalu sedih melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Kemudian baginda berfikir di dalam hati, "Jikalau begini binasalah negeri ini, kerana orang besar/pembesar tidak bermuafakat sesama orang besar/pembesar."

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadir. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?"

Selepas itu, baginda memikirkan cara untuk memuafatkan antara Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Lalu baginda menyuruh orangnya memanggil Seri Nara Diraja; lalu Seri Nara Diraja hadir. Kemudian, Sultan Muzaffar Syah bertitah, "Mahukah Seri Nara Diraja mempunyai isteri?"

Maka sembahnya, "Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"

Maka sembahnya, "Mohon patik tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?"

Kemudian sembahnya, "Jikalau ada restu daripada Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku."

Kemudian baginda bertitah, "Setujukah Seri Nara Diraja mengahwini Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?"

Lalu sembahnya, "Mohon patik tuanku."

Kemudian baginda bertitah, "Mahukah kamu mengahwini Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja?"

SMK SHAMSUDIN NAIN
KETUA PANITIA : CIKGU JARAYAH BINTI JAIS
HALAMAN 33

Maka sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Maka titah baginda, "Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?"

Maka sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?"

Maka sembahnya, "Daulat, tuanku."

Kemudian sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Lalu baginda bertitah, "Mahukah akan Tun Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?"

Kemudian sembahnya, "Mohon patik, tuanku."

Kemudian beberapa orang anak orang pembesar ditanyakan oleh Sultan, tidak ada juga yang berkenan dihati Seri Nara Diraja. Lalu titah Sultan, "Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?"

Kemudian sembahnya, "Daulat, tuanku."

Adapun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Sebenarnya Tun Kudu telah diperisteri oleh Duli Yang Dipertuan, terlalu cantik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja sedemikian, lalu masa itu juga diceraikan baginda, dihantar ke rumah Paduka Raja, diberikan perbelanjaan, dan disuruh hadir untuk dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Lalu semua anak buah Seri Nara Diraja berkata, “Bagaimana datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Maka kata Seri Nara Diraja, “Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

Lalu Seri Nara Diraja berkata, “Bagaimanakah kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula/azimat yang dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu.”

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatliah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, menjadi berkasih-kasihian seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, “Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara.”

Dan setelah tamat idah, Seri Nara Diraja telah bernikah dengan Tun Kudu. Lalu Seri Nara Diraja telah berbaik-baik/bermufakat dengan Paduka Raja, mereka menjadi lebih rapat dan mencapai persefahaman. Lalu sembah Seri Nara Diraja kepada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana dia asalny anak bendahara."

Maka titah baginda, "Baiklah,"

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Lalu baginda bertitah, "Baiklah,"

Lalu Paduka Raja dilantik menjadi bendahara.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kenayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Selepas itu, Bendahara Paduka Raja dikatakan sebagai seorang yang bijaksana, kerana pada zaman itu terdapat tiga buah negeri yang sama besarnya/hebatnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam ketiga-tiga buah negeri itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; di Pasai, Orang Kaya Kenayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

SM SAINS PEREMPUAN

KETUA PANITIA : CIKGU NUR FARAH ATHIRAH BINTI KHUZAINI

HALAMAN 34

Hatta, berapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama Panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap akan mengeluari orang Siam. Seri Bija Diraja dan segala hulubalang sekaliannya dititahkan baginda mengiringkan Bendahara Paduka Raja itu. Adapun Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya, asalnya daripada Muntah Lembu; ialah dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila berjalan atau duduk, bongkok ia. Oleh sebab sangat gagah berani ia menjadi hulubalang besar, duduk di atas segala hulubalang. Telah sudah lengkap, maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah mengeluari Siam itu, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan segala hulubalang banyak. Maka orang Siam pun hampir ke Batu Pahat.

Tidak berapa lama kemudian, orang Siam datang menyerang Melaka; panglimanya yang bernama Awi Dicu. Lalu kedengaran khabar dia ke Melaka; lalu dipersembahkan orang kepada Sultan. Baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja bersiap untuk mengusir orang Siam. Seri Bija Diraja dan semua hulubalang dititahkan oleh baginda untuk mengiringi Bendahara Paduka Seri Bija Diraja. Seri Bija Diraja asalnya orang Melayu, yang bernama Tun Hamzah, berasal daripada Muntah Lembu; dan digelar orang Datuk Bongkok. Beliau bongkok apabila berjalan atau duduk. Oleh sebab sangat gagah berani dia menjadi hulubalang besar, yang mengetuai semua hulubalang. Setelah selesai berlengkap, Bendahara Paduka Raja mengusir orang Siam, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja, dengan semua hulubalang. Lalu orang Siam pergi ke Batu Pahat.

SMK KING GEORGE V
KETUA PANITIA : CIKGU MASITA BINTI MASTOR
HALAMAN 35

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, kelakuannya gila-gila bahasa. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam kalah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia berbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam kalah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati punding api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Terdapat seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, sangat berani, tingkah lakunya gila-gila bahasa. Kemudian disuruh oleh Bendahara Paduka Raja menyiasat perahu Siam itu. Kemudian Tun Umar pergilah dengan sebuah perahunya terumbang-ambing. Setelah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, kemudian dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam kalah, lalu dia terus ke sebelah; kemudian dia kembali semula, dilanggarnya lagi perahu yang lain, juga dua tiga buah perahu Siam kalah. Kemudian Tun Umar kembalilah. Kemudian orang Siam sangat hairan melihat tingkah laku Tun Umar itu. Setelah malam, Awi Dicu pun sampailah. Kemudian Bendahara Paduka Raja mengarahkan pokok kayu bakau dan nyirih serta pokok tumpu api-api diikat dengan punding api. Selepas dilihat oleh orang Siam api yang tidak terkira banyaknya, kemudian kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tidak terkira lagi. Sekiranya mereka datang apakah nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya tadi tidak dapat kita tewaskan."

Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini,"

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

Awi Dicu berkata, "Betullah kata kamu itu; marilah kita pulang sementara hari belum siang."

Lalu semua orang Siam pulang.

Adapun perigi di Batu Pahat itu, orang Siamlah membuat dia. Maka diikuti oleh Bendahara Paduka Raja sampai ke Singapura. Maka bendahara pun kembali ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu sekaliannya dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Maka baginda pun terlalu suka; maka baginda pun memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mulia-mulia, dengan segala hulubalang yang pergi bersama-sama itu semuanya dianugerahi baginda persalin masing-masing pada kadarnya.

Mengenai perigi di Batu Pahat itu, telah dibuat oleh orang Siam. Lalu diikuti oleh Bendahara Paduka Raja hingga ke Singapura. Setelah itu, bendahara pulang ke Melaka menghadap Sultan Muzaffar Syah. Lalu semua berita yang berlaku itu dipersembahkan oleh bendahara Ke Bawah Duli Sultan. Baginda terlalu gembira; lalu baginda memberi hadiah kepada Bendahara Paduka Raja daripada pakaian yang mahal, dan semua hulubalang yang pergi bersamanya juga dianugerahi oleh baginda setiap orang hadiah yang sesuai dengan mereka.

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya “ Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu.”

Semua orang Siam yang kembali itu, telah sampai di benua Siam, lalu Awi Dicu menghadap Paduka Bubunnya. Lalu Paduka Bubunnya berasa amat marah; lalu dia sendiri ingin pergi menyerang Melaka. Lalu seorang anak Paduka Bubunnya, bernama Cau Pandan. Lalu memaklumkan kepada Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya dia sendiri hendak menyerang Melaka, sembahnya “ Duli Pra Cau, berilah patik segala kelengkapan, patik akan mengalahkan Melaka.”

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun menyuruh berlengkap kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, sekadar menantikan musim juga lagi.

Paduka Bubunya terlalu gembira mendengar kata-kata Cau Pandan itu. Lalu baginda menyuruh Pra Kelong menyediakan kelengkapan dengan lapan ratus sum, jumlah perahu kecil yang tidak terkira, bersedia untuk menanti masanya yang akan tiba.

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Kedengaran hingga ke Melaka, bahawa Cau Pandan, anak Bubunnya, akan dititahkan untuk menyerang Melaka. Lalu ada seorang hamba Allah yang tinggal di Melaka, berbangsa Arab, orang memanggilnya dengan nama Sidi Arab. Tuan ini sentiasa bermain panah lasykar, seperti lagak orang berzikir. Ke mana sahaja dia pergi, panah itu akan dibawa olehnya. Pada masa itu Tuan Sidi Arab datang menghadap Sultan Muzaffar Syah. Setelah Tuan Sidi Arab mendengar berita bahawa Cau Pandan akan menyerang Melaka, dia berdiri di hadapan baginda. Lalu dia menghalakan panahnya ke arah benua Siam. Sambil menarik panahnya itu, Tuan Sidi Arab berkata, "Mati engkau, Cau Pandan".

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda pada Tuan Sidi Arab itu, "Jikalau sungguh mati Cau Pandan, sungguhlah tuan keramat."

Lalu Sultan Muzaffar Syah tersenyum; baginda bertitah kepada Tuan Sidi Arab itu, "Jika betul Cau Pandan sudah mati, benarlah tuan seorang yang mulia."

Adapun Cau Pandan itu, lagi di benua Siam, maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tidaklah jadi Siam menyerang Melaka, sebab mati Cau Pandan itu. Maka itulah diperbuatkan orang nyanyi:

Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.

Sebenarnya Cau Pandan itu, masih berada di benua Siam, berasa dadanya seperti dipanah, lalu Cau Pandan jatuh sakit sehingga memuntahkan darah lalu mati. Siam tidak jadi menyerang Melaka, disebabkan kematian Cau Pandan. Lalu peristiwa tersebut dinyanyikan orang:

***Cau Pandan anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung si air mata.***

Syahadan, maka kedengaran di Melaka bahawa Cau Pandan sudah mati, sakitnya muntahkan darah, dadanya seperti kena panah. Telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka titah baginda, “ Sungguhlah Tuan Sidi Arab ini hamba Allah keramat.”

Selepas itu, kedengaran di Melaka tentang kematian Cau Pandan, yang jatuh sakit sehinggakan memuntahkan darah, dadanya seperti dipanah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar perkhabaran itu, baginda bertitah, "Sesungguhnya Tuan Sidi Arab ini merupakan seorang hamba Allah yang amat mulia."

Maka beberapa puji baginda akan Tuan Sidi Arab itu dan dianugerahi baginda dengan sepertinya.

Lalu baginda memuji-muji akan Tuan Sidi Arab dan mengurniaknya anugerah yang selayaknya.

SMK PUTERI

KETUA PANITIA : CIKGU JU NAZRAH BINTI ABDUL BAKI

HALAMAN 38

Setelah empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah itulah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Mansur Syah, umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun. Dan baginda beristerikan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam; dan ada beranak dengan gundik baginda seorang perempuan bernama Puteri Bakal. Adapun Sultan Mansur Syah itu terlalu baik parasnya, serta adil lagi pemurah; seorang pun raja-raja di dalam alam ini tiada sepertinya pada zaman itu.

Selepas empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah menaiki takhta, lalu baginda telah mangkat. Takhta Melaka telah digantikan oleh anakanda baginda iaitu Raja Abdullah, dan baginda digelar, Sultan Mansur Syah, usia baginda sewaktu menaiki takhta itu ialah dua puluh tujuh tahun. Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan Tun Patih Nur Pualam iaitu anak Seri Nara Diraja; dan mempunyai seorang puteri yang bernama Puteri Bakal dengan gundik baginda. Sememangnya Sultan Mansur Syah seorang yang kacak, adil dan pemurah; tiada seorangpun raja-raja seperti baginda di dunia ini pada zaman itu.
